

04 SEP 1997

DANA RM60 BILION CUKUP UNTUK MENGHIDUPKAN SEMULA BSKL, KATA PENERUS KUB

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Dana RM60 bilion yang akan dikumpul dan digunakan bagi menyokong Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) adalah mencukupi untuk menghidupkan semula pasaran saham, kata penerus merangkap ketua pegawai eksekutif KUB Malaysia Bhd, Datuk Hassan Harun.

"Saya rasa jumlah itu mencukupi untuk mengapungkan semua pihak agar (pelabur) boleh mengharungi situasi pasaran jangka pendek (kejatuhan pasaran)," katanya kepada para pemberita ketika sesi rehat Perhimpunan Agung Wanita dan Pemuda UMNO di sini, hari ini.

Hassan berkata dana itu akan membantu pelabur tempatan berdepan dengan tekanan jualan yang di sebabkan oleh panggilan margin.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengumumkan pembentukan dana berkenaan semalam berkata, wang itu akan digunakan untuk membeli saham daripada pelabur tempatan pada harga premium manakala saham-saham yang dijual oleh pelabur asing akan dibeli pada nilai harga semasa.

Hassan berkata kejatuhan 45-mata dalam pasaran saham semalam tidak mencerminkan kegagalan usaha-usaha institusi tempatan untuk menyokong bursa tempatan itu.

Dana tempatan masih tidak hadir dengan kukuh kerana dana RM60 bilion itu belum digunakan lagi, kata Hassan.

KUB adalah bekas koperasi UMNO yang kini disenaraikan di BSKL.

"Kita tidak boleh membuat penilaian dalam masa sehari. Dana itu (RM60 juta) masih belum berada dalam pasaran kerana ia sedang diatur pada ketika ini," katanya.

Hassan juga menyangkal pandangan bahawa pasaran tempatan kini menjunam ke paras "paling bawah".

"Syarikat kami mempunyai nilainya sendiri dan tiada satupun syarikat saham mewah kami mengalami sebarang kerugian," katanya.

Mengenai saham KUB, Hassan berkata beliau gembira anggota-anggotanya yang membeli saham itu pada harga RM1 sesaham, masih memperolehi faedah daripada premium.

"Pasaran (menurun) tidak menjejaskan KUB dan kami amat bernasib baik meskipun premium kami ketika ini tidak begitu tinggi," katanya.

Bagi pengapungan ketika ini KUB sepatutnya memperuntukkan 1.5 juta saham bagi satu saham yang dipegang oleh anggota-anggotanya, tetapi tawaran awal hanya mengagihkan saham berdasarkan satu-kepada-satu.

"Baki separuh daripada saham itu akan diagihkan segera sebaik sahaja masalah dalam pasaran ketika ini selesai," katanya. -- BERNAMA

AD ZK MA